

# Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP26/O18 • Jumaat, 21 Julai 2023 / 3 Muharram 1445H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:43AM • SUBUH 4:53AM • SYURUK 6:16AM • DOHA 6:39AM • ZOHOR 12:28PM • ASAR 3:51PM • MAGHRIB 6:38PM • ISYAK 7:52PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG



Antara peserta semasa aktiviti sesi soal jawab. - Gambar serahan UNISSA

## UNISSA terima kunjungan delegasi AAMEP

Oleh Syahmi Hassan

**BANDAR SERI BEGAWAN, 20 JULAI** - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Alumni (HEA) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) telah menerima kunjungan lima orang daripada perwakilan delegasi Program Pertukaran Muslim Australia-ASEAN (AAMEP).

Seramai 56 orang telah menghadiri sesi perkongsian yang terdiri daripada Alumni UNISSA, Majlis Perwakilan Pelajar dan Rakan Umat UNISSA

baru-baru ini, yang diadakan di Bilik L1.3, UNISSA.

Hadir pada majlis tersebut Penolong Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNISSA, Dr Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu dan Penolong Rektor Akademik UNISSA, Professor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad.

Pada sesi perkongsian tersebut, delegasi Australia yang terdiri daripada Pengarah AAMEP, Rowan Gould, Kauthar Abdulalim, Zinab Al Hilaly, Anjum Kasmani, Mohammad Khelil dan Ameen Soliman

telah mengongsikan mengenai kerjaya profesionalisme mereka di samping khidmat masyarakat yang mereka telah lakukan sebagai ahli pertubuhan bukan kerajaan di Australia.

Sesi interaktif berkenaan telah memberikan galakan kepada alumni dan pelajar yang hadir untuk sentiasa berfikir kritis dalam menangani isu-isu kontemporari, meluaskan perspektif global dan menerima kepelbagaian serta sentiasa berusaha ke arah masa depan yang lebih produktif.